

KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	26/11/2019	MUKA SURAT	: 43
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Sidang DUN Negeri Sembilan

33,000 hektar tanah terbiar

Agensi diarah beri perhatian projek baharu majukan kawasan

Oleh Azzman Abdul Jamal
azzman@bh.com.my

Seremban: Bancangan terkini mendapati hampir 33,000 hektar tanah terbiar di Negeri Sembilan dan wajar dibangunkan dengan projek pertanian.

Sehubungan itu, semua agensi di bawah sektor pertanian diarah memberi perhatian terhadap pembangunan projek pertanian baharu di kawasan tanah terbiar di negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Bakri Sawir, berkata kerajaan negeri memperuntukkan insentif bantuan RM1.7 juta bagi pembangunan tanah terbiar di Negeri Sembilan.

"Insentif yang disediakan ke-



Bakri Sawir

rajaan negeri dan Persekutuan bagi pembangunan tanah terbiar merangkumi naik taraf infrastruktur ladang seperti jalan ladang, sistem pengairan, perparitan, pagar kawasan dan input pertanian seperti baja, racun dan anak benih.

"Menerusi pendekatan itu, kerajaan negeri memperuntukkan RM10,000 sehektar manakala Kerajaan Persekutuan RM20,000," katanya.

Beliau menjawab soalannya Datuk Abdul Rahman Mohd Redza (BN-Linggi) berhubung dasar dan kaedah dilaksanakan bagi membangunkan tanah terbiar di kawasan luar bandar khususnya

dalam sektor pertanian pada Persidangan Ketiga (Belanjawan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan, di sini, semalam.

Bakri berkata, kempen pembangunan tanah terbiar terus dijalankan seiring program anjuran agensi atau jabatan pertanian seperti program hari ladang, pameran jabatan dan seminar petani.

"Pemilik tanah terbiar boleh ke Pejabat Pertanian berdekatan untuk mendapatkan penerangan yang lebih lanjut berkaitan perkara ini," katanya.

Sementara itu, tahap kesihatan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan Dan Adat Istiadat Melayu, Mohamad Nazruddin Sabtu, sekali lagi menimbulkan tanda tanya apabila beliau tidak hadir pada Sidang DUN, semalam.

Malah, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Piliuh itu menjadi antara topik perbualan di media sosial apabila beliau dilihat berada di Wisma Negeri, namun tidak menyertai persidangan DUN.

Malah, sebuah klip video turut dimuat naik di media sosial sejak

petang semalam apabila kereta Nazruddin dilihat berada di Wisma Negeri, namun beliau tidak keluar daripada kenderaannya.

Mengulas perkara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, mengesahkan Nazruddin berada di Wisma Negeri dan tidak dapat menyertai persidangan DUN semalam atas masalah kesihatan.

"Dia (Nazruddin) ada di sini (Wisma Negeri), tapi dia tak sihat. Apabila tak sihat, kita tak halang untuk dia datang, jadi apa masalahnya?"

"Malah tiada soalannya berkaitan portfolionya hari ini," katanya ketika ditemui pemberita, semalam.

Mengenal desakan pihak tertentu supaya Nazruddin melepaskan jawatannya sebagai EXCO dan ADUN Piliuh, Aminuddin berkata tindakan itu adalah tidak wajar.

"Dia cunna tak sihat, ramai juga orang yang bekerja di kerajaan tak sihat, takkan nak hentakan seseorang itu dengan alasan ini."

"Kerja berkaitan portfolionya masih berjalan seperti biasa," katanya.